

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dua perbezaan antara liabiliti jangka panjang dengan liabiliti semasa, berserta dua contoh bagi setiap liabiliti itu:

Perbezaan:

1. Tempoh penjelasan hutang bagi liabiliti semasa adalah dalam tempoh satu tahun, manakala tempoh penjelasan hutang bagi liabiliti jangka panjang adalah lebih daripada tempoh satu tahun.
2. Lazimnya, liabiliti semasa tidak dibayar faedah, manakala liabiliti jangka panjang selalunya dikenakan faedah.

Contoh:

1. Liabiliti semasa: Akaun belum bayar, belanja belum bayar, hasil belum terperoleh, bank overdraf dsb.
2. Liabiliti jangka panjang: Pinjaman bank, pinjaman bercagar, gadaijanji, nota belum bayar (tempoh > 1 tahun) dsb.

- (b) (i) Bahagian liabiliti penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016:

	RM	RM
Liabiliti semasa		
Debentur 8% (matang 2017)	80,000	
Bon antarabangsa 5% (matang 2017)	50,000	
Faedah debentur belum bayar	16,000	
Faedah bon belum bayar	2,500	
Gadai janji	10,000	
Sewa beli	18,000	
Akaun belum bayar	20,200	196,700
Liabiliti jangka panjang		
Debentur 8% (matang 2021)	120,000	
Gadai janji	72,500	
Sewa beli	118,500	311,000

Nota:

1. Debentur 8% (matang 2017) = $40\% \times 200,000 = \text{RM}80,000$
2. Faedah debentur belum bayar = $8\% \times 200,000 = \text{RM}16,000$
3. Faedah bon belum bayar $5\% \times 50,000 = \text{RM}2,500$
4. Baki gadai janji pada 31 Disember 2016 = $92,500 - 10,000 = \text{RM}82,500$
Amaun yang perlu bayar dalam tahun 2017 (liabiliti semasa) – $\text{RM}10,000$
5. Pembayaran prinsipal sewa beli setahun = $(2,175 - 675) \times 12 = \text{RM}18,000$
Baki sewa beli pada 31 Disember 2016 = $154,500 - 18,000 = \text{RM}136,500$
Amaun yang perlu bayar dalam tahun 2017 (liabiliti semasa) – $\text{RM}18,000$
6. Baki akaun belum bayar pada 31 Disember 2016 = $32,000 + 85,000 - 3,000 - 90,000 - 3.800 = \text{RM}20,200$

(c) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017		RM	RM
Jan 1	Inventori Nota belum bayar 8% (Merekod belian inventori dengan nota belum bayar)	15,000	15,000
	Peralatan kedai Tunai / Bank Akaun belum bayar lain (Merekod belian peti sejuk secara tunai dan kredit)	5,000	2,000 3,000
Jan 31	Belanja faedah NBB Faedah NBB belum bayar (Merekod pelarasan pada akhir bulan)	100	100
	Akaun belum bayar lain Belanja faedah Tunai / Bank (Merekod bayaran ansuran dengan faedah untuk belian peti sejuk)	1,000 25	1,025
Feb 15	Nota belum bayar 8% Belanja faedah NBB Faedah NBB belum bayar Tunai / Bank (Merekod pembayaran balik nota belum bayar dengan faedah)	15,000 50 100	15,150
28	Akaun belum bayar lain Belanja faedah Tunai / Bank (Merekod bayaran ansuran dengan faedah untuk belian peti sejuk)	1,000 17	1,017